

Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2012

UMS unggul hari pertama

DE 30/10/2012 12

NILAI: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menguasai kutipan pingat pada hari pertama Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2012 apabila meraih dua pingat emas, satu perak dan satu gangsa pada Isnin.

Universiti Help di tangga kedua selepas memenangi satu emas, dua perak dan satu gangsa diikuti Universiti Sains Malaysia (USM) pada kedudukan ketiga dengan satu emas dan satu perak.

Dalam acara taekwondo, satu-satunya acara yang berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, atlet UMS Raymond Toh Meng Hui beraksi cemerlang apabila meraih dua emas bagi kategori poomsae individu dan berpasukan lelaki, yang turut dianggotai Yeo Kok Siang serta Mohd Fakhrul Razi Sazzali.

Bagi acara poomsae individu, Raymond, 22, memungut 7.20 mata untuk menumpaskan atlet Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Chew Wei Yan, yang memungut 7.17 mata manakala pingat gangsa milik Too Lap Weng dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan 7.13 mata.

"Saya bersyukur dan sangat berpuas hati dengan prestasi hari ini. Sasaran saya selepas ini ialah meraih pingat emas pada temasya Sukan Universiti Asean (SUA) di Laos pada Disember depan.

"Namun, masih banyak kelemahan yang perlu diperbaiki sebelum bertanding di Laos," kata Raymond yang mula aktif acara poomsae sejak Februari lepas di bawah bimbingan jurulatih Lee Min Hee dari Korea

Selatan.

Dalam kategori poomsae berpasukan, trio UMS meraih tempat pertama dengan pungutan 7.53 mata, mengetepikan cabaran Universiti Help yang memperoleh 6.27 mata manakala atlet Universiti Teknologi Mara (UiTM) di tangga ketiga dengan 6.24 mata.

Raymond, pelajar ijazah sarjana muda jurusan sains sosial UMS berkata beliau juga menyasar untuk meraih pingat emas dalam acara poomsae berpasukan pada temasya SUA di Laos kelak.

Sebanyak 10 pingat emas ditawarkan pada hari kedua SUKIPT hari ini (Selasa), yang melibatkan lapan saingan akhir dalam acara renang dan dua bagi tenpin boling. - Bernama